

Arahan: Jawab semua soalan di bawah ini. Isikan jawapan dalam kotak yang disediakan.

1. Mengapakah Parameswara memilih Orang Laut sebagai penjaga keamanan dan keselamatan Melaka?

- A. Mahir dalam perdagangan
- B. Memberikan taat setia kepada raja
- C. Merupakan penduduk asal negeri Melaka
- D. Mempunyai hubungan dengan kerajaan Siam

2. Apakah keistimewaan Sungai Melaka yang menyebabkan Parameswara mengasaskan kerajaan di tempat berkenaan?

- I. Tanahnya subur
 - II. Mudah memperoleh sumber makanan
 - III. Bentuk muka bumi yang berbukit bukau
 - IV. Terlindung daripada tiupan angin monsun
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

3. Bagaimanakah hubungan antara Kesultanan Melayu Melaka dengan China dapat membantu perdagangan di Melaka?

- A. Melaka dapat bantuan kewangan dari China
- B. Melaka dapat mengawal pedagang-pedagang China
- C. Melaka dapat perlindungan China daripada ancaman luar
- D. Melaka dapat menguasai barang dagangan yang dibawa dari China